

Headline **Pejuang alam sekitar**  
 Date **26. May 2009**  
 Media Title **Berita Harian**  
 Section **Hip**  
 Circulation **192917**  
 Readership **1521000**

Language **Malay**  
 Page No **8**  
 Article Size **718 cm2**  
 Frequency **Daily**  
 Color **One Spot Color**  
 AdValue **11604.85**



Oleh Halina Mohd Noor

**A**MALINA Rahmat, 14 dan Anisa Yasmin Fadhill, 16, masih muda untuk memahami isu yang melanda bumi hari ini. Mereka tidak mengerti mengapa pokok harus ditebang, hutan simpan digondolkan atau sungai dan tasik dicemar dengan najis atau toksid. Apa yang remaja ini cukup faham, betapa pentingnya untuk bertindak segera menyelamatkan bumi serta ekologi alam yang semakin terancam hari demi hari.

Suara mereka mungkin terlalu halus untuk didengari, tetapi tangan dan kaki mereka bergerak pantas. Jika generasi lebih dewasa sibuk mencemarakkan alam dengan segala macam aktiviti sama ada secara sedar atau tidak, mereka adalah generasi baru yang bertindak sebaliknya.

Apabila setiap pokok dicabut, mereka menanamnya semula. Begitu juga apabila sungai dicemari, mereka turun beramai-ramai membersihkannya. Apa yang pasti, mereka tidak pernah putus asa melakukannya berkali-kali kerana mereka sedar tabiat lama masyarakat sukar dikikis biarpun wujud kesedaran mengenai pencemaran alam.

Amalina dan Anisa masih tidak dapat melupakan ketika membersihkan Sungai Kayu Ara yang hitam pekat airnya akibat perbuatan membuang sampah ke dalamnya oleh penduduk sekitar sejak bertahun lamanya. Begitu juga ketika menanam semula pokok paya bakau yang



YAWA PERHUTAN MALAYSIA

membabitkan 50 negara. Ia adalah lawatan sambil belajar di samping pelbagai aktiviti menerusi bengkel dijalankan. Pada akhir persidangan, setiap peserta perlu membentangkan kertas cadangan mengenai tindakan yang diambil apabila pulang ke negara masing-masing.

"Banyak perkara yang boleh kita lakukan untuk menyelamatkan bumi seperti menanam semula pokok. Jika ke kedai, saya tidak bawa beg plastik sebaliknya bawa beg yang dikitar semula bagi menjimatkan penggunaan plastik. Saya juga menggunakan kertas kitar semula untuk mencetak sesuatu. Kalau boleh saya tidak gunakan pendingin hawa berbanding kipas dan memastikan air tidak mengalir begitu saja. Saya juga cuba mendidik rakan sebaya lain mengenai usaha ini," katanya.

Amalina berkata, kebanyakan orang sedar mengenai kesan pencemaran alam tetapi kurang usaha untuk mengatasinya.

Setengah orang hanya melakukannya kerana terikut-ikut dan tidak bersungguh-sungguh, namun beliau gembira kerana sekurang-kurangnya kawan-kawannya tahu mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

"Selalunya saya pastikan mandi air biasa berbanding air panas, pasang pendingin hawa di sebelah malam saja kerana penggunaan tenaga elektrik boleh menyebabkan bumi bertambah panas. Saya juga mengamalkan membawa bekal ke sekolah. Selain lebih sihat, ia boleh mengelakkan penggunaan plastik. Aktiviti pemotongan pokok juga boleh menyumbang kepada keadaan lebih teruk. Di sekolah, pokok ditebang dan kami tidak mempunyai tempat untuk berteduh ketika menunggu sekolah bermula atau pada waktu rehat," katanya.

Amalina menyertai Yawa sejak kecil kerana kebetulan ibunya, Zainurah Abdul Rahman adalah Pengarah Komunikasi Korporat yaysan berkenaan. Beliau gembira menyertai Yawa kerana bukan saja dapat menambah pengetahuan mengenai alam sekitar, tetapi cara memuliharaanya.

Beliau berkata, antara perkara menyeronokkan ialah apabila berpeluang berkenalan dengan rakan dari seluruh dunia.

"Saya mengenali seorang kanak-kanak bernama Ryan dari Greece yang merayu kerajaannya untuk berubah demi menyelamatkan bumi. Dia juga menubuhkan persatuan alam sekitar dan berjaya membuat satu perigi untuk menghargai air semula jadi yang dikenali sebagai Perigi Ryan," katanya.

**INFO**

**Tema dan lokasi persidangan ICCE anjuran Yawa:**

1996 - "Selamatkan Hutan Malaysia", Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong, Selangor

1998 - "Setiap titisan berharga," Terengganu

2000 - "Udara-Pernafasan", Kubu Baharu, Selangor

2002 - "Pulihara Warisan Kita," Ayer Keroh, Melaka

2004 - "Selamatkan laut", Teluk Bahang, Penang

# Pejuang alam sekitar

## Dua remaja azam dididik generasi muda pulihara kesejahteraan bumi



AMALINA (kiri) dan Anisa bangga menjadi ahli Yawa.

semakin pupus di Tanjung Piailai, Johor.

"Mungkin orang tidak faham mengapa harus menanam semula pokok kayu bakau, tetapi ia mempunyai peranan yang banyak untuk kepentingan habitat di sekitarnya. Pokok ini boleh menapis air laut yang masin daripada bercampur dengan air tawar yang membolehkan spesies ikan air tawar hidup dan berkembang. Begitu juga dengan kelip-kelip yang gemar hidup di kawasan paya. Ia semakin pupus akibat tiada lagi pokok ini," kata Anisa.

Anisa menyertai Yawa sejak berusia 10 tahun lagi

dengan menyertai Eco Kids. Ibunya mahu Anisa membabitkan diri dengan aktiviti di luar sekolah sebagai kegiatan sampingan.

"Pada masa itu, saya tidak tahu apa-apa mengenai pemuliharaan alam. Aktiviti pertama saya adalah mengikuti program memelihara penyudi di Terengganu. Itulah kali pertama saya nampak penyudi bertelur iaitu pada jam tiga pagi. Dari situ, saya mula menyedari pentingnya menjaga ekologi alam," katanya.

Pada usia 12 tahun, Anisa terbang ke Norway bersama dua rakan untuk menyertai persidangan mini yang